



LAPORAN TAHUNAN 2023

Majlis Perbandaran Kulai

Perbandaran Cemerlang, Sejahtera Semua



LAPORAN TAHUNAN 2023

Majlis Perbandaran Kulai
Perbandaran Cemerlang, Sejahtera Semua



YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Maju Johor Johor & Salam Malaysia Madani,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah rahmat-Nya dan segala nikmat yang telah diberikan, seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada sidang redaksi dan semua pihak yang bertungkus-lumus menerbitkan Laporan Tahunan 2023 Majlis Perbandaran Kulai.

Alhamdulillah, meraikan 20 tahun sebagai Pihak Berkusa Tempatan berstatus perbandaran, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) terus berperanan memacu pembangunan yang mampan dan lestari di Kulai, didokong oleh kerjasama yang baik dari jabatan, agensi kerajaan, pihak swasta, pimpinan tempatan dan masyarakat secara keseluruhannya. Kulai terus menjadi destinasi tarikan pelaburan di pelbagai sektor dari seluruh negara dengan manifestasi bagi menjadi sebuah kawasan pembangunan yang mesra pelabur dan selesa untuk diduduki selaras dengan penarafan Kulai sebagai antara Bandar Paling Bahagia 2023 baru-baru ini.

Bergerak ke hadapan dan selaras dengan aspirasi kerajaan persekutuan dan negeri, MPKu terus menggerakkan usaha ke arah sebagai Bandar Pintar, Hijau, Mampan dan Rendah Karbon menjelang tahun 2030. Iltizam setiap warga kerja MPKu untuk sama-sama menggembeling segala usaha dan tenaga bersama di bawah kepimpinan YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan YB Tan Sri Dato' Dr. Hj Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor bagi membawa negeri Johor sebagai *Economic Powerhouse* yang terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Juga terima kasih kepada YB Dato' Hj. Mohd Jafni bin Md Shukor, Penggerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan dan Tuan Fizwan bin Dato' Hj. Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai yang sentiasa menyokong pihak MPKu di dalam usaha-usaha bagi perancangan pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Sesungguhnya, ianya menuntut untuk setiap dari kita untuk meneruskan kecemerlangan dalam usaha dan komitmen di organisasi yang sentiasa mengutamakan amalan budaya kerja yang inovatif, berintegriti, pantas dan profesional. Bagi pihak MPKu, kita menyambut baik saranan kerajaan negeri bagi menggerakkan usaha yang menyumbang kepada pembangunan daerah Kulai. Seterusnya, inisiatif-inisiatif baharu yang meningkatkan produktiviti serta memberi impak positif kepada pembangunan dari aspek pelaburan, tadbir urus, peluang pekerjaan, penyediaan infrastruktur dan lain-lain perkhidmatan.

Akhir kata, saya percaya dengan penerbitan laporan ini akan menjadi salah satu platform bagi pihak MPKu berkongsi informasi berkaitan pentadbiran ini. Terima kasih di atas sokongan dan komitmen tinggi seluruh warga kerja MPKu termasuk Ahli-ahli Majlis di dalam menjayakan setiap program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

Kepada Allah Berserah
Maju Johor


HAJI MOHD FAHMI BIN SALAM
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULAI



SETIAUSAHA ***MAJLIS PERBANDARAN KULAI***

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Ucapan ribuan penghargaan dan syabas di atas penerbitan Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Kulai edisi 2023 ini, terutama kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) yang telah memberikan komitmen yang baik dalam menjayakan pelbagai program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2023.

Momentum ini perlu dikekalkan bagi memastikan pembangunan daerah ini akan berterusan dengan mampan seterusnya memberi tumpuan kepada penambahbaikan projek pembangunan, perkhidmatan, menaiktaraf sistem, pengurusan data dan lain-lain lagi.

Dasar keprihatinan dan usaha sama pihak MPKu di peringkat pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat pelaksana merupakan kunci utama kelancaran proses tadbir urus yang menjadi obligasi kepada kemajuan sesebuah daerah khususnya daerah Kulai.

Semoga usaha dan keprihatinan warga kerja MPKu terus gemilang dalam membentuk budaya kerja yang baik. Diharapkan juga kerjasama yang terjalin serta komunikasi yang baik ini dapat dikekalkan dan semoga usaha dan pengorbanan warga kerja MPKu diberi keredhaan dan mendapat rahmat dari-Nya.

Sekian, Terima Kasih.



HAJI MUHAMMAD SYAHRIZAT BIN AHMAD
SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN KULAI

TAHUNAN 2023

ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2023 • MAJLIS PERBANDARAN KULAI

PENGENALAN

MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Visi, Misi, Objektif dan Wawasan	6
Konsep Logo	7
Lagu Rasmi	8
Nilai Teras Utama	9
Piagam Pelanggan	10
Carta Organisasi	11
Ahli Majlis Sesi 2022-2023	12
Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Bahagian & Unit	14

LAPORAN JABATAN / BAHAGIAN DAN UNIT MPKU 2023

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

• Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	17
• Jabatan Penguatkuasaan	18
• Bahagian Teknologi Maklumat	23
	31

JABATAN KEWANGAN

45

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

57

• Bahagian Penilaian	58
• Bahagian Pengurusan Harta	66

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP

75

• Bahagian Perancangan Bandar	76
• Bahagian Landskap	85

JABATAN PEMBANGUNAN

91

JABATAN KEJURUTERAAN

101

• Bahagian Southern Volunteer	124
-------------------------------	-----

JABATAN KESIHATAN AWAM

127

JABATAN PELESENAN

141

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

151

UNIT UNDANG-UNDANG

159

UNIT AUDIT DALAM

163

UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

167

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

175

UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KONTRAK

189



VISI, MISI, OBJEKTIF & WAWASAN

MAJLIS PERBANDARAN KULAI

VISI

Ke Arah Perbandaran Cemerlang dan Sejahtera.

MISI

- Menuju ke arah sebuah pihak berkuasa tempatan yang dinamik dan efisien.
- Memberikan perkhidmatan asas yang cemerlang dan terbaik.
- Membuat dan melaksanakan perancangan yang teratur, berkualiti dan holistik.
- Membina masyarakat penyayang, berilmu, berbudaya dan berdisiplin.
- Meningkatkan taraf hidup dan ekonomi penduduk selaras dengan dasar ekonomi negara.
- Mengawal dan menguatkuasa perundangan serta kualiti alam sekitar.

OBJEKTIF

- Membangunkan Majlis Perbandaran Kulai sebagai pusat kegiatan ekonomi sosial dan pusat penempatan penduduk yang sempurna dan selesa.
- Menggalakkan penyertaan bumiputera dalam perniagaan, perdagangan dan perindustrian.

WAWASAN

Mewujudkan sebuah Majlis Perbandaran yang dinamik bagi memastikan tercapainya taraf kesejahteraan hidup sempurna, di samping meningkatkan taraf ekonomi yang bersesuaian dengan dasar ekonomi dan pembangunan negara.



KONSEP LOGO

MAJLIS PERBANDARAN KULAI



GUNUNG

Ia merujuk kepada "Gunung Pulai" yang merupakan simbolik kepada pusat pelancongan serta rekreasi bagi daerah Kulai.

PAPAN LITAR ELEKTRONIK

Ia merujuk kepada Kulai sebagai salah satu Hub ICT di dalam Wilayah Iskandar.

KAPAL TERBANG

Simbolik kepada salah satu Hub Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sebagai Pengangkutan Udara di selatan tanah air.

TAHUN PERBANDARAN

Merupakan tahun "Majlis Daerah Kulai" dinaik taraf ke "Majlis Perbandaran Kulai".

REBEN MPKu

Reben melengkung berwarna biru dan cogan "Majlis Perbandaran Kulai" melambangkan sifat-sifat universal dan globalisasi yang menjadi tunggak pembangunan infrastruktur di dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai.

MAHKOTA

Menggambarkan jujung taat setia rakyat Kulai kepada Raja dan Negara.

PERISAI

Melambangkan kekuatan dan muafakat di kalangan Kakitangan MPKu.

PENDOKONG HARIMAU

Penyokong yang memegang perisai pada jata menampilkan dua ekor harimau garang Tempuk dan Dengkis melambangkan kekuatan yang memegang keseluruhan organisasi.

TULISAN JAWI MPKu

Menjelaskan komitmen majlis dalam memartabatkan bangsa dan wawasan negara.

BENDERA DAERAH KULAI

Warna putih pada anak bulan dan bintang menandakan Raja yang Berdaulat. anak bulan dan bintang menunjukkan lambang Agama Islam yang menjadi agama rasmi Negeri Johor. Bendera rasmi bagi daerah Kulai.

CEMERLANG SEJAHTERA

CEMERLANG SEJAHTERA

Merancang dan Membangun
Prasarana Negara
Menuju Cita-Cita Semua
Kita Langkah Bersama

Kebersihan, Keselesaan
Kunci yang Utama
Kebahagiaan dan Keharmonian
Tuntutan Agama
c/o
Cekap dan Bersih
Amanah serta Mesra
Memberikan Khidmat
Tanpa Batasan Masa

Dari Bandar dan Membawa
Ke Pelusuk Desa
Setia Membantu dengan Tulus
Tanpa Mengira Bangsa

Kesetiaan, Keadilan
Kesejahteraan Semua
Menuju Puncak Wawasan Kita
Gemilang Negara

Ulang c/o
Perbandaran Cemerlang
Sejahtera Semua
Itulah Ia Misi Utama
Kita Warga Berjaya
Itulah Ia Misi Utama
Majlis Perbandaran Kulai ...
Berjaya





NILAI TERAS UTAMA

MAJLIS PERBANDARAN KULAI



PIAGAM PELANGGAN

MAJLIS PERBANDARAN KULAI

1. Bersedia membantu dengan layanan mesra dan segera iaitu mensasarkan waktu menunggu sebelum layanan kaunter diberikan
2. Berusaha untuk membangunkan kemudahan serta persekitaran yang bersih, indah dan ceria kepada semua
3. Akan melaksanakan penyelenggaraan infrastuktur dan kemudahan dengan baik, cekap dan cepat
4. Memberi perkhidmatan dalam jangka masa berikut:

Aduan dan khidmat pelanggan

- i. Mengambil tindakan / pemantauan bagi:
 - Aduan Awam berstatus **SERTA-MERTA (24 JAM)**
 - Aduan Awam berstatus **SEGERA (6 HARI)**
- ii. Melaksanakan kerja pencantasan, penebangan pokok merbahaya, pembersihan pokok tumbang atau sekah sebaik sahaja maklumat diterima.
- iii. Memastikan perkhidmatan pengurusan sistem pepejal bagi kawasan kediaman / kedai diberikan sebaik sahaja CCC / CFO dikeluarkan.
- iv. Memastikan perkhidmatan pembersihan potong rumput dan pembersihan parit diberikan sebaik sahaja CCC / CFO dikeluarkan.
- v. Menjalankan operasi kawalan anjing liar 5 kali seminggu.
- vi. Menjalankan kerja-kerja kawalan vektor semburan kabus (fogging) dalam tempoh 7 hari selepas menerima aduan.

Khidmat penilaian cukai harta

Bil cukai harta setengah tahun pertama dan setengah tahun kedua diserahkan pada atau sebelum 15 Januari dan 15 Julai tahun berkenaan.

Mengenai Khidmat Pelesenan dan Perniagaan

Notis pembaharuan lesen diserahkan pada akhir tahun atau sebelum 31 Januari setiap tahun.

5. Memberikan keputusan atas permohonan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan syarat dokumen lengkap dikemukakan.

Proses Pemajuan Struktur

- i. Pelan bagi projek perumahan / kilang / rumah sesebuah
 - ii. Ubah tambahan dan pelan pindaan (kurang 500kp)
 - iii. Permit sementara (awning, khemah, tutup jalan)
- (45 hari)
(30hari)
(14 hari)

Proses Pengeluar Lesen-Lesen Haram

- i. Lesen perniagaan, iklan premis tidak berisiko
 - ii. Lesen perniagaan, iklan premis berisiko
- (1 hari)
(60 hari)

Pelbagai proses lesen lain:

- i. Lesen sementara perniagaan
 - ii. Lesen pasar malam
 - iii. Lesen sementara pasar malam
 - iv. Permohonan sewa dan lesen pasar awam
 - v. Permohonan sewa dan lesen gerai
 - vi. Lesen sementara penjaja
 - vii. Lesen EXPO / bazar / musim perayaan / funfair
 - viii. Lesen anjing
- (1-jam)
(60 hari)
(21 hari)
(60 hari)
(90 hari)
(14 hari)
(7 hari)
(30 minit)

Proses Pengurusan Lesen-Lesen Haram

- i. Lesen perniagaan, iklan premis tidak berisiko
 - ii. Lesen perniagaan, iklan premis berisiko
- (1 hari)
(30 hari)


Proses Perancangan Pembangunan dan Khidmat Setempat

- i. Penyediaan ulasan pertimbangan bagi permohonan kebenaran merancang
 - ii. Kelulusan bagi semua permohonan cadangan pemajuan mengikut piagam yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- (14 hari)




CARTA ORGANISASI

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LUMPUR





AHLI MAJLIS SESI 2023-2024

MAJLIS PERBANDARAN KULAI













JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA •
- BAHAGIAN PENGUATKUASA •
- BAHAGIAN TEKNOLGI MAKLUMAT •



BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

1. JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Sumber Manusia merancang Dan Mempertingkatkan Potensi Intelek, Modal Insan Dan Pentadbiran Menerusi Perkhidmatan Yang Sempurna Dan Cemerlang Selaras Dengan Pekeliling Dan Arahan-Arahan Kerajaan.

FUNGSI UTAMA

- Bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pentadbiran majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan rekod rasmi jabatan dan stor pusat majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan pengurusan kenderaan dan kad minyak serta Kad touch n go.
- Bertanggungjawab menguruskan program, acara dan majlis rasmi, majlis perbandaran kulai.
- Bertanggungjawab menguruskan hal ehwal perkhidmatan dan personal majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kebaikan kakitangan.
- Bertanggungjawab menguruskan latihan dan kompetensi kakitangan.
- Bertanggungjawab pengurusan kaunseling dan tatatertib.


2. LAPORAN UNIT LATIHAN

- Laporan Latihan Kakitangan Majlis Perbandaran Kulai

JUMLAH KAKITANGAN	BILANGAN HARI BERKURSUS
143	>7
21	6
33	5
56	4
31	3
26	2
18	1
97	1

- Maklumat Peruntukan Dan Perbelanjaan

■ JUMLAH PERUNTUKAN TAHUNAN ■ JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN ■ BAKI PERUNTUKAN ■ PERATUS GUNA





GALERI SEKITAR PROGRAM LATIHAN TAHUN 2023

• Bengkel Pemurnian Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)

• Siri 1 – Siri 4

📅 November - Disember 2023

📍 Le Grandeur Hotel, Senai



• Kursus Pemantapan Pengurusan Kewangan & Lawatan Penanda Aras Me Majlis Bandaraya Shah Alam

📅 7 - 9 Disember 2023


📍 Corus Hotel Kuala Lumpur



3. BAHAGIAN SUMBER MANUSIA




LANTIKAN
BARU



KENAIKAN
PANGKAT



PENGESAHAN



MYSTEP

TETAP - 8 ORANG
KONTRAK - 20 ORANG

HAKIKI - TIADA
TBK - 2 ORANG

LANTIKAN - 8 ORANG
JAWATAN - 3 ORANG

10 ORANG



BERSARA



TAMAT
PERKHIDMATAN



MENINGGAL
DUNIA



GCR 90 HARI

WAJIB – 7 ORANG
PILIHAN – 2 ORANG

5 ORANG

2 ORANG

5 ORANG


TAKLIMAT BAGI KAKITANGAN BARU & mySTEP



4. BAHAGIAN PENTADBIRAN


1. PROGRAM

Program Di Bawah
Jabatan Khidmat Pengurusan




2. PEMBELIAN KENDERAAN

Penerimaan Trak Tunda
Pada 13 September 2023




3. RUANG KERJA JKP

Pengubahan Jabatan
Khidmat Pengurusan



4. SUKAN 4 PENJURU

Sukan 4 Penjuru
Telah Diadakan Bermula
November Hingga
Disember 2023





PROGRAM BAGI TAHUN 2023

Majlis Apresiasi Amanat Yang Dipertua MPKu 2023

📅 Januari 2023



PROGRAM BAGI TAHUN 2023

Selamat Datang & Bertugas Di Majlis Perbandaran Kulai Kepada Tn Hj Mohd Fahmi Bin Salam, Tuan Yang Dipertua Mpku

📅 Februari 2023



PROGRAM BAGI TAHUN 2023

Sambutan Majlis Hari Raya Majlis Perbandaran Kulai

📅 Mei 2023



PROGRAM BAGI TAHUN 2023

Sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Daerah Kulai

📅 Ogos 2023



PROGRAM BAGI TAHUN 2023

Sambutan Maulidur Rasul Majlis Perbandaran Kulai

Oktober 2023



PROGRAM BAGI TAHUN 2023

Program Membudayakan Bacaan Al-Quran



PEMBELIAN TRAK TUNDA

Penerimaan Trak Tunda Dari Pihak Pembekal Pada 13 September 2023



RUANG KERJA JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Ruang Kerja Jabatan Khidmat Pengurusan



SUKAN 4 PENJURU

Sukan 4 Penjuru Bermula November – Disember 2023





BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Melaksanakan Pengurusan Perundangan Dan Penguatkuasaan Terhadap Mekanisma Perbandaran Secara Adil Dan Saksama.

FUNGSI UTAMA

- i. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan berdasarkan peruntukan undang-undang.
- ii. Mengawasi segala kerja pembangunan, perancangan dan perniagaan agar selaras dan mengikut peraturan yang diluluskan oleh Majlis.
- iii. Menjalankan pemantauan terhadap aktiviti perniagaan dan perindustrian di bawah pentadbiran Majlis agar selaras dengan peraturan dan undang-undang.
- iv. Menjaga kesejahteraan dan penduduk di bawah pentadbiran Majlis.

PUNGUTAN HASIL BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DARI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2023

BIL	KOD	TAJUK HASIL	ANGGARAN KUTIPAN HASIL 2021 (RM)	JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN		JUMLAH KOMPAUN DIKELUARKAN		JUMLAH HASIL BAGI TAHUN 2023 (RM)	PERATUS (%)
				BULANAN (DIS)	SETAHUN (2023)	BULANAN (DIS)	SETAHUN (2023)		
1	76104	Kompaun Kesalahan Penjaja	6,000.00	5	170	7	47	9,320.00	155.33%
2	76105	Kompaun Tanpa Lesen Perniagaan	98,000.00	2	40	1	18	2,600.00	3.015
3	76106	Kompaun Di bawah Undang-Undang Kecil/Akta	400,000.00	33	402	42	431	217,158.00	54.30%
4	76107	Kompaun Sampah Sarap	100.00	21	21	0	0	0.00	0.00%
5	76108	Operasi Tunda Dan Simpanan Kenderaan	10,000.00	0	180	0	0	0.00	0.00%
6	76109	Kompaun Kacau Ganggu	35,000.00	6	71	20	257	26,800.00	76.57%
7	76118	Kos Storan Barang Penyitaan	900.00	0	0	0	0	3,624.50	402.72%
8	76102	Kompaun Letak Kereta	150,000.00	0	0	1242	4657	42,734.00	28.48%
JUMLAH			550,000.00	67	884	1312	753	302,236.50	47.25%


JUMLAH HASIL MENGIKUT BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER

BIL.	BULAN	TAHUN 2023
		ANGGARAN : RM 700,000.00
		JUMLAH HASIL
1.	JANUARI	26,215.00
2.	FEBRUARI	15,371.00
3.	MAC	16,793.00
4.	APRIL	18,767.00
5.	MEI	26,644.00
6.	JUN	15,962.00
7.	JULAI	21,856.00
8.	OGOS	33,253.00
9.	SEPTEMBER	29,405.50
10.	OKTOBER	27,310.00
11.	NOVEMBER	30,822.00
12.	DISEMBER	39,838.00
JUMLAH		RM302,236.50 47.25%

JUMLAH PREMIS YANG DIPERIKSA MENGIKUT KATEGORI

BIL	KATEGORI	JUMLAH PREMIS TAHUN 2023
1	KILANG	959
2	KEDAI/ PUSAT PERNIAGAAN	6649
3	RUMAH KEDIAMAN	724
4	PENJAJA	5017
JUMLAH		13349

PREMIS



KESELURUHAN PREMIS : **13,349**



LAPORAN OPERASI

LAPORAN OPERASI BAGI KESALAHAN KACAUGANGGU

Jumlah Notis : **71 Notis**
Jumlah Kompaun : **257 kompaun**
Jumlah Hasil Kutipan : **RM 26,800.00**



Jabatan Penguatkuasaan menjalankan operasi bersepada premis yang disyaki menyebabkan kacauganggu bau busuk di kawasan sekitar

LAPORAN OPERASI TANPA PREMIS PERNIAGAAN /IKLAN

Jumlah Notis : **40 Notis**
Jumlah Kompaun : **18 kompaun**
Jumlah Hasil Kutipan : **RM 2600.00**



Jabatan Penguatkuasaan menjalankan pemeriksaan premis yang mempamerkan iklan perniagaan tanpa lesen.

LAPORAN OPERASI KESALAHAN MENCEGAH KEKOTORAN DI BAWAH :

- i) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- ii) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171)

Jumlah Notis : **402 Notis**
 Jumlah Kompaun : **441 kompaun**
 Jumlah Hasil Kutipan : **RM 217,158.00**



Jabatan Penguatkuasa menjalankan operasi kesalahan menyebabkan kekotoran di atas tempat awam.

LAPORAN RUTIN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

LAPORAN OPERASI TURUN PAPAN IKLAN, KAIN RENTANG, GEGANTUNG TANPA LESEN

JUMLAH KAIN RENTANG DITURUNKAN : **2539 Helaian**



Operasi menurunkan banteng, papan iklan, kain rentang dan Iklan wang haram di kawasan Kulai.



LAPORAN OPERASI HALANGAN KENDERAAN BERAT

Jumlah Notis Peringatan : **71 Notis**

Jumlah Kompaun : **254 kompaun**

Jumlah Hasil Kutipan : **RM 17,450.00**




Unit Rondaan Bermotor (URB) mengeluarkan tawaran kompaun ke atas pemilik kendaraan berat.

ADUAN AWAM

PENSIJILAN JABATAN PENGUATKUASAAN YANG TELAH DITERIMA



LAPORAN ADUAN MENGENAI ANJING PELIHARAAN JIRAN MELALUI APLIKASI “WHATSAPP”



Aduan yang diterima melalui aplikasi "Whatsapp"

LAPORAN ADUAN MENGENAI KEKOTORAN MELALUI APLIKASI ADUAN SISPAA.

Butiran Maklum Balas		
ID Maklum Balas	: MPKULAI.011207 (MPKULAI.011207)	Terima : 10/10/2023
Status Kes	: Dalam Siasatan	No. Rujukan : MPKu.17/2/10/2023/MPKULAI.011207 ✓
Jenis Maklum Balas	: Aduan > baru	
Tajuk	: BURUNG GAGAK	
Butiran	: 03/10/2023	
Di Dapat jiran saya yang beralamat di (17082 Jalan Murai 3 Bandar Putra Kulai) telah memelihara kucing dan melatakan makanan kucing yang terdedah sehingga menyebabkan burung gagak yang banyak datang dan telah membuang najis di kediaman saya di (17083 Jalan murai 3) dan mengakibatkan kotor, termasuk di tempat sidai baju..sudah tegur sebelum ini tapi masih berulang...saya harap tuan/puan dapat pantau untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku..untuk makluman tuan/puan najis burung adalah kuman kerana saya ada bayi berumur 7 bulan.		
Hasil yg Dikehendaki	: Memastikan pihak jiran sebelah meletakkan makanan kucing didalam rumah dan membersihkan rumah beliau dari mengundang burung gagak datang terlalu banyak	
Lokasi	: 17082 Jalan MURAI 3 Bandar Putra Kulai	
Lokasi/Zon	: ZON 10 > BANDAR PUTRA	
Jabatan	:	
Sumber	• Bahagian Penguatkuasaan	
Tahap Kesukaran	: Borang Laman Web	
Kategori	: Sederhana	
Lampiran	: • KOTOR WhatsApp Image 2023-10-03 at 15.55.30.jpeg	



Siasatan aduan jiran menyebabkan kekotoran di atas tempat awam.

LAPORAN ADUAN MENGENAI KEKOTORAN MELALUI APLIKASI ADUAN SISPA.



Siasatan aduan jiran memelihara anjing sehingga menyebabkan kacauganggu.

OPERASI BERSEPADU


OPERASI BERSEPADU DI PANGSAPURI BANDAR PUTRA BERSAMA JABATAN PERLESENAN MPKu, PEJABAT KESIHATAN DAERAH KULAI, SWCOPR DAN WAKIL COB



OPERASI BERSEPADU PENCEROBOHAN SETINGGAN DI KAWASAN TAN YOKE FONG, KULAI BERSAMA JABATAN KESIHATAN MPKu, POLIS DIRAJA MALAYSIA, PEJABAT TANAH DAN GALIAN DAERAH KULAI, JABATAN PARIT DAN SALIRAN DAERAH KULAI DAN SWCOPR



OPERASI PREMIS PERJUDIAN BEROPERASI TANPA LESEN PERNIAGAAN BERSAMA JABATAN POLIS DIRAJA MALAYSIA DAERAH KULAI DAN TENAGA NASIONAL BERHAD DAERAH KULAI



OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN ASRAMA DAN PENGINAPAN PEKERJA DI BAWAH AKTA 446 DI DAERAH KULAI BERSAMA JABATAN TENAGA KERJA, JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, POLIS DIRAJA MALAYSIA, PEJABAT KESIHATAN DAERAH KULAI DAN JABATAN PERANCANG MPKu





BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

OBJEKTIF

- Ke arah Majlis Perbandaran yang maju dari segi penggunaan Teknologi Maklumat.
- Memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada orang ramai ketika berurusan dengan pihak Majlis Perbandaran Kulai.
- Memastikan agar Majlis Perbandaran Kulai, sentiasa peka terhadap kemajuan ICT dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi yang terkini.
- Menggalakkan budaya penggunaan komputer di kalangan pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan produktiviti yang baik dan memuaskan.

AKTIVITI BAGI FUNGSI

AKTIVITI-AKTIVITI BAGI FUNGSI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGURUSAN LAMAN WEB DAN EMEL RASMI

- Mengurus, menyelaras, mengemaskini dan memantau saluran alternatif yang disediakan melalui emel, laman web dan media sosial bagi menyebarkan maklumat kepada orang ramai untuk berurusan dengan kerajaan.

PENGURUSAN SISTEM EPBT DAN HANDHELD

- Membangun menyelenggara dan memastikan perkakasan komputer dan capaian internet dalam keadaan sempurna untuk memastikan MPKu sentiasa peka terhadap kemajuan ICT dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi yang terkini.

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR DAN OPERASI

- Mengurus, mengemaskini dan memantau sistem ePBT dan handheld bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dan sistem penyampaian kerajaan di peringkat MPKu.

PEMBANGUNAN SISTEM DAN APLIKASI ICT

- Menganalisa, mengkaji dan mencadangkan sistem aplikasi ICT yang bersesuaian bagi meningkatkan mutu sistem penyampaian MPKu, serta memantau dan mengemaskini sistem aplikasi sedia ada.

PENGURUSAN KAWALAN KESELAMATAN DAN PEMANTAUAN CCTV

- Mentadbir urus, merancang, menyelaras, menyelia dan memantau keselamatan melalui CCTV di sekitar kawasan pentadbiran MPKu bagi tujuan pencegahan jenayah, pemantauan keselamatan, penyelidikan siasatan jenayah dan pembuktian sebagai bahan bukti.


PENGURUSAN AM DAN KUALITI ICT

- Membantu dalam pengurusan pembayaran BTM, pengurusan perolehan dan pengurusan hal ehwal pentadbiran BTM di samping memastikan pengurusan kualiti kerja ICT di tahap maksimum bagi melahirkan budaya kerja yang lebih cemerlang.

PERANAN UNIT

PERANAN UNIT BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

A. Unit Pengurusan Laman Web Dan Emel Rasmi





B. Unit Pengurusan Sistem EPBT Dan Handheld



C. Unit Pengurusan Infrastruktur Dan Operasi

1

Menyedia dan mengemaskini Layout / Symentic Diagram bagi Access Door, CCTV Dalaman, Rangkaian, PABX/ISDN RJ11, Workstation / PC Point

2

Memantau khidmat meja bantuan untuk kemudahan kakitangan bagi aduan kerosakan komputer, rangkaian, peralatan dan perisian



3

Memantau penyelenggaraan berjadual dan menyemak rekod bagi Komputer, Server, Anti-virus, Johor Wifi, VLAN, Firewall dan Rangkaian

4

Menguruskan rekod borang aduan ICT bagi komputer kakitangan, komputer kaunter, rangkaian, rangkaian telefon, peralatan ICT, perkakasan rangkaian ICT, active directory dan MS ISO 9001:2015



5

Memantau penggunaan bilik Latihan Komputer

6

Memantau pemasangan peralatan perkakasan ICT untuk kegunaan program, mesyuarat dan mesyuarat atas talian



7

Memantau dan menyelaras permohonan pinjaman penggunaan peralatan ICT

8

Memantau dan mengurus tadbir keadaan mesin fotostat, faks dan plotter



9

Memantau dan mengurus tadbir perolehan berkaitan pembelian perkakasan ICT dan alatulnis stok ICT

10

Memantau dan mengurus tadbir pengurusan perkakasan ICT di samping menyemak laporan perkakasan ICT

11

Memantau dan mengurus alat tulis stok baru ICT serta menyelaras permohonan alat tulis stok & aksesori ICT

12

Menyemak dan mengurus tadbir pengurusan dokumen stok alat tulis ICT (Kew-Ps 1 – Kew-Ps 16).

13


Menyemak dokumen pembelian bagi MS ISO 9001:2015

14

Menyemak dan menyelaras Indeks Akauntabiliti (AI) yang berkenaan rekod perkakasan ICT



D. Pembangunan Sistem Dan Aplikasi ICT



Memantau dan merekodkan proses penyelenggaraan Queue Management System (QMS)

Menyedia dan mengemaskini pelaksanaan sistem Maklumat ICT Kakitangan (MyMPKu)

Memantau dan menyedia pelaksanaan sistem JPJLink / MySikap

Mengemaskini dan melaksana sistem MPKu Mobile

Menyedia dan memantau terhadap pembangunan sistem baru

Menyemak dan memantau sistem Strategic Data Information System (SDIS)

Melaksana dan menyedia sistem e-Mesyuarat

Membantu pelaksanaan sistem CIMB BizChannel


Memantau pelaksanaan sistem SISPA, iKEPOH, Hrmis, Geopass, sistem OSC Online, Epbt Pay

E. Pengurusan Kawalan Keselamatan Dan Pemantauan CCTV




Menyelaras dan memantau CCTV IRDA & CCTV Dalaman :

- Pemantauan berpusat
- Permohonan melihat atau mendapatkan salinan rakaman
- Penyelenggaraan
- Pengoperasian
- Urus tadbir rekod



Menyelaras dan memantau CCTV KPKT & CCTV MPKu :

- Pemantauan berpusat
- Permohonan melihat atau mendapatkan salinan rakaman
- Penyelenggaraan
- Pengoperasian
- Urus tadbir rekod



Menyelaras dan memantau pengurusan Sistem Kehadiran Thumbprint :

- Kemasukan kakitangan baru
- Aduan
- Hapus ID dan imbasan jari kakitangan



1. Menyelaras dan memantau tadbir urus Access Door (pintu Access Door)

2. Menyelaras dan memantau pengurusan Access Door
 - Kerosakan & Kehilangan Access Card
 - Kemasukan kakitangan baru
 - Penghapusan data access card




1. Menyelaras dan memantau kawalan keselamatan :

- Semakan suhu badan kakitangan & pelanggan
 - Kerosakan mesin pengimbas suhu
2. Menyelaras dan menguruskan aktiviti serta rekod & pembayaran Unit CCTV





F. Pengurusan Am Dan Kualiti ICT



SENARAI KEMUDAHAN

SENARAI KEMUDAHAN AWAM DI BAWAH SELIAAN BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

A) LOKASI CCTV MPKu- 17 UNIT

BIL	#KAMERA	SENARAI CCTV	BIL	#KAMERA	SENARAI CCTV
1	Kul01	Persimpangan Taman Makmur	10	Ku10	Persimpangan Hadapan Pejabat Genting
2	Kul02	Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Ismail/ KCP	11	Ku11	Bulatan Sport City / AEON
3	Kul03	Bulatan Taman Gunung Pulai/ Taman Putri	12	Ku12	Hadapan Caltex Kulai
4	Kul04	Jalan Sri Putra 1 (Bank Muamalat)	13	Ku13	Jejantas Senai
5	Kul05	CIMB Indahpura	14	Ku14	Jalan Belimbing senai RHB Bank
6	Kul06	Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Siantan	15	Ku15	Jalan Senai Utama (BSN)
7	Kul07	Persimpangan Lampu Isyarat BT 19	16	Ku16	Persimpangan Lampu Isyarat Sengkang
8	Kul08	Jalan Pejabat Kerajaan	17	Ku17	Berhampiran Bulatan Iris
9	Kul09	Hadapan Pejabat MPKu			

B) LOKASI JOHOR WIFI

BIL	#KAMERA	SENARAI CCTV
		LOKASI
1	Bangunan MPKu - Kaunter	Medan Selera Taman Aman
2	RTC Kulai	Dewan Serbaguna Taman Putri
3	Arked Mara Kulai	Dataran Cahaya Bukit Liki
4	Hutan Bandar Putra Pole 1	Flat Temenggong
5	Hutan Bandar Putra Pole 3	Hutan Bandar Putra
6	Gerai Taman Mas	Terminal Bas Kulai
7	Gerai Batu 19	-
8	Bandar Putra – Jalan Merbau	-
9	Bandar Putra – Southern Tiger	-

PROGRAM & AKTIVITI

A. Lawatan Sambil Belajar Pasukan Pelaksana Bandar Selamat & Bandar Pintar Majlis Perbandaran Kluang Ke Majlis Perbandaran Kulai



B. Lawatan Ke KLCC Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



C. Pameran Johor Smart City Forum 2023



D. Latihan Penggunaan KFL Web, KFL Biz, Aduan



E. Lawatan OCDP Ke Majlis Perbandaran Kulai



F. Latihan E-Ronda



G. POC KFL E-License Ronda Di Johor Premium Outlet



H. Latihan dan Simulasi KFL E-License




I. Sesi Lawatan Tuan DO ke Majlis Perbandaran Kulai



J. Sesi Pemasangan Komputer Bagi Kakitangan Nursery Lanskap



K. Pemasangan Sistem Nombor QMS Bagi Tujuan Kegunaan Kaunter



L. 'Setup' Balairaya Jalan Tekukur, Bandar Putra Bagi Program Townhall Ahad Jam 10.00 Pagı



M. Sesi Perbincangan YB Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Bersama Tuan Yang Dipertua, Setiausaha dan Datuk Bandar



N. ‘Setup’ Persiapan Bagi Program Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kulai, Televisyen 1 Unit



O. Pemasangan 1 Unit Server Traffic Di Bilik Server ICT




P. Serahan Alat Kelengkapan Mesyuarat Bagi Kegunaan Jabatan





Q. Sesi User Acceptance Test 'UAT' Untuk E-Kontrak Bersama Bahagian Perolehan & Pengurusan Kontrak



R. Latihan Pengisian Bajet Di Dalam Sistem e-PBT 3.0 Bersama Jabatan Kewangan







JABATAN KEWANGAN

Menawarkan Perkhidmatan
Pengurusan Kewangan Perbandaran
Secara Efektif Dan Mematuhi Standard Semasa
Yang Digunakan.



JABATAN KEWANGAN

FUNGSI UTAMA JABATAN KEWANGAN

Jabatan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut :

- i. Menguruskan Terimaan Hasil
- ii. Menguruskan Aliran Tunai
- iii. Menguruskan Pengeluaran Bil Cukai Harta
- iv. Menyelenggara Rekod dan Laporan Kewangan
- v. Menguruskan Gaji
- vi. Menguruskan Permohonan Perbelanjaan
- vii. Menguruskan Tuntutan Bayaran
- viii. Menyelenggara Akaun Deposit
- ix. Menguruskan Penyediaan Bajet Tahunan

AKTIVITI

HASIL MPKu


Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) di beri kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk mengutip hasil dalam kawasan pentadbirannya. Terdapat tiga (3) punca hasil utama Majlis iaitu terimaan dari hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

Kutipan daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut digunakan oleh MPKu untuk perbelanjaan mengurus yang terdiri daripada emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta perkhidmatan perbandaran seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, bayaran lampu jalan dan lain-lain.

Perbelanjaan pembangunan pula merangkumi kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur, kemudahan awam, ruang perniagaan, taman-taman awam dan pengindahan persekitaran Daerah Kulai. Kutipan hasil bagi tahun 2023 daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut dilihat sebagaimana berikut :

HASIL	JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
Hasil Cukai	103,915,537	64.18
Hasil Bukan Cukai	18,968,409	11.72
Terimaan Bukan Hasil	39,017,476	24.10
JUMLAH	161,901,422	100.00

KUTIPAN HASIL TAHUN 2023





BIL.	HASIL	RM
1.	Cukai Harta	101,697,654.75
2.	Caruman Bantuan Kadar	2,217,881.80
3.	Permit Dan Pendaftaran	1,440,447.00
4.	Lesen	5,631,307.33
5.	Bayaran Perkhidmatan	3,318,352.35
6.	Jualan Barang Stok Dan Stor	368,915.44
7.	Bayaran Sewa	1,431,421.20
8.	Faedah Bank	5,835,709.21
9.	Faedah-faedah Lain	8,800.31
10.	Denda dan Rampasan	933,456.16
11.	Pulangbalik Perbelanjaan Am	3,352,233.89
12.	Pelbagai Terimaan	1,673,814.00
13.	Pemberian Dan Pelbagai Pemberian	33,991,428.49
JUMLAH		161,901,421.93


BILANGAN PEMBAYAR CUKAI MENGIKUT KAUNTER

KAUNTER	JUMLAH
PEJABAT	85,374
JOMPAY	31,985
KAUNTER POS	13,419
KIOSK	27
JOHORPAY	6014
E-KHIDMAT	3054
AGENSI LUAR (BSN)	812
POS ONLINE	3
MAYBANK	5955
EKFL	1491
AMBANK	13
KAUNTER BERGERAK	95
BLOK B, MPKu	14,079
JUMLAH	162,321

Perbandingan kutipan hasil bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah sebagaimana berikut :

HASIL	2021	2022	2023
Hasil Cukai	84,230,690	93,440,097	103,915,537
Hasil Bukan Cukai	11,939,014	13,710,061	18,968,409
Terimaan Bukan Hasil	18,882,313	28,690,407	39,017,476
JUMLAH	115,052,017	135,840,566	161,901,422

PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL TAHUN 2021-2023



■ Hasil Cukai ■ Hasil Bukan Cukai ■ Terimaan Bukan Hasil

KAUNTER BLOK A DI PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI

HARI	MASA
Ahad - Rabu	8.00 pg - 5.00 ptg
Khamis	8.00 pg - 3.30 ptg
Jumaat & Sabtu	TUTUP



Bagi bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos, kaunter pejabat MPKu di buka juga pada hari Jumaat dan Sabtu dari pukul 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari

KAUNTER BLOK B DI PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI

HARI	MASA
Ahad - Rabu	8.00 pg - 1.00 ptg 2.00 ptg - 5.00 ptg
Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg 2.00 ptg - 3.30 ptg
Jumaat & Sabtu	TUTUP



Bayaran Di Kaunter BSN Di Seluruh Negeri Johor

Bayaran juga boleh dibuat di kaunter-kaunter Bank Simpanan Nasional di seluruh Negeri Johor.

Pemberian Cenderahati kepada pembayar awal cukai taksiran bagi tahun 2023

KEMUDAHAN BAYARAN

MPKu sentiasa peka dalam memberi kemudahan dan keselesaan kepada penduduk dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan bagi menjelaskan bayaran cukai harta. Antara kemudahan yang disediakan adalah sebagaimana berikut :

Bayaran Secara Atas Talian (Online)

Agenzi Perbankan yang berkaitan adalah seperti berikut:



KAUNTER BERGERAK CUKAI HARTA BAGI TAHUN 2023

TEMPAT	MASA	SETENGAH TAHUN PERTAMA	SETENGAH TAHUN KEDUA	
Gerai Taman Aman	10 pagi – 2 petang	1 Januari	1 Julai	
Econsave, Senai	11 pagi – 4 petang	7 dan 8 Januari	16 Julai	
Dewan Ulu Choh	10 pagi – 2 petang	11 Januari	2 Julai	
Dewan Raya Senai Utama	10 pagi – 2 petang	14 dan 15 Januari	8 Julai	
Balairaya Kg. Baru Saleng	10 pagi – 2 petang	15 Februari	-	
Surau Al- Falah, Pulai Jaya	10 pagi – 2 petang	18 dan 19 Februari	15 Julai	
Dewan Raya Taman Manis, Kelapa Sawit	10 pagi – 2 petang	1 Februari	22 Julai	
Dewanraya Bandar Baru Kangkar Pulai	10 pagi – 4 petang	25 Januari	6 Ogos	
Dewan Serbaguna Bukit Batu	10 pagi – 2 petang	4 Januari	13 Ogos	
Gerai Majlis Ayer Bemban	10 pagi – 2 petang	18 Januari	30 Julai	
IoI Mall, Bandar Putra	11 pagi – 4 petang	28 dan 29 Januari	23 Julai	
Dewan Serbaguna Kg. Baru Sedenak	10 pagi – 2 petang	26 Februari	-	
TJ Mart	11 pagi – 4 petang	22 Februari	5 Ogos	
Pasar Awam Kelapa Sawit	10 pagi – 2 petang	11 dan 12 Februari	12 Ogos	
Surau Taman Scientex	10 pagi – 2 petang	8 Februari	-	
Dewanraya Kg Baru Seelong	10 pagi – 2 petang	25 Februari	-	



MENGURUSKAN ALIRAN TUNAI

LAPORAN ALIRAN TUNAI

Ringkasan Hasil dan Perbelanjaan mengikut bulan bagi tahun 2023 :

TAHUN/ BULAN	2023	
	HASIL (RM)	BELANJA (RM)
Januari	23,121,048	4,483,800
Januari - Febuari	51,667,285	11,116,724
Januari - Mac	60,893,588	19,471,305
Januari - April	65,782,574	28,756,623
Januari - Mei	71,023,246	35,911,747
Januari - Jun	87,175,536	44,535,148
Januari - Julai	102,343,883	55,238,324
Januari - Ogos	122,310,771	66,077,697
Januari - September	131,515,831	73,474,790
Januari - Oktober	145,494,369	85,325,733
Januari - November	154,062,288	93,554,465
Januari - Disember	161,901,421	126,054,403.88

Perbandingan Hasil Bagi Tahun 2022 dan 2023 mengikut bulan :

TAHUN/ BULAN	2022		2023	
	SEMASA (RM)	TERKUMPUL (RM)	SEMASA (RM)	TERKUMPUL (RM)
Januari	27,618,293	27,618,293	23,121,048	23,121,048
Januari - Febuari	22,395,802	50,014,095	28,546,236	51,667,285
Januari - Mac	10,047,983	60,062,078	9,226,303	60,893,588
Januari - April	5,628,736	65,690,814	4,888,986	65,782,574
Januari - Mei	5,388,758	71,079,572	5,240,672	71,023,246
Januari - Jun	7,029,283	78,108,855	16,152,289	87,175,536
Januari - Julai	9,968,555	88,077,411	15,168,347	102,343,883
Januari - Ogos	23,560,084	111,637,495	19,966,887	122,310,771
Januari - September	7,646,375	119,283,870	9,205,059	131,515,831
Januari - Oktober	7,660,436	126,944,306	13,978,537	145,494,369
Januari - November	3,842,991	130,787,297	8,567,919	154,062,288
Januari - Disember	5,053,269	135,840,566	7,839,133	161,901,421

Perbandingan Hasil Bagi Tahun 2022 dan 2023 mengikut bulan :

TAHUN/ BULAN	2022		2023	
	SEMASA (RM)	TERKUMPUL (RM)	SEMASA (RM)	TERKUMPUL (RM)
Januari	2,317,000	2,317,000	4,483,800	4,483,800
Januari - Febuari	2,368,579	4,685,580	6,632,923	11,116,724

TAHUN/ BULAN	2022		2023	
	SEMASA (RM)	TERKUMPUL (RM)	SEMASA (RM)	TERKUMPUL (RM)
Januari - Mac	4,712,195	9,397,774	8,354,581	19,471,305
Januari - April	14,736,027	24,133,801	9,285,318	28,756,623
Januari - Mei	5,724,073	29,857,875	7,155,123	35,911,747
Januari - Jun	7,825,179	37,683,054	8,623,401	44,535,148
Januari - Julai	12,101,530	49,784,584	10,703,175	55,238,324
Januari - Ogos	10,136,187	59,920,771	10,839,372	66,077,697
Januari - September	11,281,687	71,202,458	7,397,093	73,474,790
Januari - Oktober	6,664,997	77,867,456	11,850,942	85,325,733
Januari - November	11,137,451	89,004,907	8,228,732	93,554,465
Januari - Disember	11,803,596	100,808,502	32,499,938.55	126,054,403.88

MENYELENGGARA REKOD DAN LAPORAN KEWANGAN


LAPORAN PENYELENGGARAAN REKOD DAN LAPORAN KEWANGAN

Memastikan Rekod dan Laporan Kewangan disediakan, diselenggara, disimpan dan dikemaskini. Berikut adalah tarikh-tarikh yang ditetapkan untuk auditan:

TINDAKAN	TARIKH
Penghantaran Penyata Kewangan Pada Jabatan Audit Negara Dan Unit Pemantau Audit	25 April 2023
Pengauditan Oleh Auditor Yang Di Lantik Oleh SUK	14 Mei 2023
Persijilan Audit (Bersih)	14 November 2023

SIJIL BERSIH AUDIT PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Penyediaan Penyata Kewangan Majlis yang disediakan adalah mengikut Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara



Sijil audit yang dikeluarkan Jabatan Audit Negara



MENGURUSKAN PEMBAYARAN GAJI

LAPORAN PEMBAYARAN GAJI

Mulai tahun 2023, slip bagi pembayaran gaji kakitangan tidak lagi dikeluarkan. Slip pembayaran gaji boleh di muat turun oleh kakitangan secara dalam talian.

Jumlah pembayaran emolumen dan bilangan anggota kerja yang terlibat adalah seperti berikut :

Amaun Pembayaran Emolumen Kakitangan Mengikut Bulan

BULAN	EMOLUMEN (RM)
Januari	1,607,037
Februari	1,874,250
Mac	1,854,279
April	2,442,706
Mei	1,824,926
Jun	1,860,499
Julai	1,851,863
Ogos	2,023,506
September	1,919,611
Oktober	1,925,991
November	1,927,568
Disember	3,150,717
JUMLAH	24,262,954

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2023

BULAN	TARIKH
Januari	17.01.2023
Februari	24.02.2023
Mac	24.03.2023
April	14.04.2023
Mei	19.05.2023
Jun	23.06.2023
Julai	25.07.2023
Ogos	25.08.2023
September	25.09.2023
Oktober	25.10.2023
November	24.11.2023
Disember	19.12.2023
JUMLAH	24,262,954

JUMLAH BILANGAN ANGGOTA KERJA YANG MENERIMA GAJI

ANGGOTA KERJA	BILANGAN
Kakitangan Tetap	285
Kontrak / Sambilan	134
Silang	5
Ahli Majlis	24
JUMLAH	448

MENGURUSKAN PERBELANJAAN

LAPORAN PERMOHONAN PERBELANJAAN

Permohonan Perbelanjaan akan diluluskan setelah dokumen bagi permohonan perbelanjaan adalah lengkap, vot peruntukan adalah mencukupi dan permohonan adalah sebagaimana ketetapan Belanjawan yang diluluskan.

Bilangan LO Dan Inden Di Keluarkan

BULAN	BIL	LOCAL ORDER	BIL	INDEN
Januari	15	567,751	1	17,699
Februari	54	217,414	10	1,958,289
Mac	42	395,703	3	48,562
April	33	323,842	2	69,398
Mei	41	458,572	14	2,837,088
Jun	35	241,755	1	19,980
Julai	43	384,725	1	49,069
Ogos	40	190,795	12	1,998,458
September	33	1,247,961	7	795,984
Oktober	51	1,351,009	8	2,635,844
November	42	619,467	6	207,285
Disember	55	513,944	4	163,808
JUMLAH	484	6,513,443	69	10,801,468


MENYELENGGARA REKOD DAN LAPORAN KEWANGAN

LAPORAN PENYELENGGARAAN REKOD DAN LAPORAN KEWANGAN

Memastikan Rekod dan Laporan Kewangan disediakan, diselenggara, disimpan dan dikemaskini. Berikut adalah tarikh-tarikh yang ditetapkan untuk audit:

PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
Emolumen	24,262,954	19.24
Perkhidmatan & Bekalan	61,169,102	48.53
Pemilikan Harta Modal	975,000	0.77
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	2,483,071	1.97
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	406,798	0.32
Pembangunan	36,757,480	29.16
JUMLAH	126,054,404	100.00


PERBELANJAAN TAHUN 2023



Perbandingan perbelanjaan bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah sebagaimana berikut :

PERBELANJAAN	2021	2022	2023
Emolumen	21,584,422	22,064,340	24,262,954
Perkhidmatan & Bekalan	51,179,002	53,613,402	61,169,102
Pemilikan Harta Modal	1,881,709	3,444,330	975,000
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,122,890	1,086,266	2,483,071
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	344,645	363,926	406,798
Pembangunan	30,757,557	40,446,665	36,757,480
JUMLAH	106,870,225	120,688,929	126,054,404

PERBANDINGAN PERBELANJAAN TAHUNAN 2021 - 2023





BAYARAN MELALUI EFT

Setiap tuntutan bayaran akan di sahkan oleh Yang Dipertua / Setiausaha mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Jumlah Pengeluaran Baucer Bayaran Mengikut Kategori

BULAN	CEK	EFT	BAUCER BAYARAN
Januari	14	300	314
Februari	11	304	315
Mac	14	254	268
April	12	297	309
Mei	13	191	204
Jun	17	256	273
Julai	21	344	365
Ogos	15	256	271
September	11	286	297
Oktober	18	288	306
November	13	281	294
Disember	14	329	343
JUMLAH	173	3,386	3,559

MENYELENGGARA AKAUN DEPOSIT

LAPORAN MENYELENGGARA AKAUN DEPOSIT

Memastikan Terimaan Akaun Deposit (Wang Amanah) direkod dengan betul agar memastikan tuntutan bagi pengembalian belum pernah dibuat sebelum pembayaran dilakukan. Selain itu, Tuntutan Pembayaran Balik Akaun Deposit (Wang Amanah) mestilah lengkap.

Jumlah Terimaan dan Pengembalian Wang Amanah

BULAN	BILANGAN	TERIMAAN (RM)	BILANGAN	PENGEMBALIAN (RM)
Januari	104	523,304.93	29	115,085.00
Februari	75	897,233.90	20	170,015.10
Mac	74	364,709.37	51	437,951.95
April	61	483,892.21	23	190,503.19
Mei	67	1,017,333.05	7	24,560.00
Jun	73	569,788.08	60	272,005.82
Julai	68	1,809,398.99	56	572,229.76
Ogos	67	655,496.23	159	2,538,326.92
September	119	651,818.23	112	681,601.05
Oktober	144	1,075,733.00	1134	6,150,972.62
November	86	1,370,695.96	40	219,835.96
Disember	92	1,554,122.68	34	1,678,279.99
JUMLAH	1030	10,973,526.63	1725	13,051,367.35

MENGURUSKAN PENYEDIAAN BELANJAWAN TAHUNAN

LAPORAN PENYEDIAAN BELANJAWAN TAHUNAN

Tatacara Program Pengurusan Penyediaan Belanjawan 2024

PROGRAM	TARIKH
Mesyuarat Khas Belanjawan 2024 Peringkat Pentadbiran	16 April 2023
Mesyuarat Khas Belanjawan 2024 Bersama YDP MPKu	11 Jun 2023
Mesyuarat Khas Bersama Ahli Majlis MPKu	21 Jun 2023
Penyerahan Draf Belanjawan 2024 kepada SUK	28 Jun 2023
Mesyuarat J/K Belanjawan Bersama Pegawai Kewangan Negeri Johor	9 Julai 2023



Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Bersama Pegawai Kewangan Negeri Johor

PENCAPAIAN TAHUN 2023

PELANCARAN KIOSK TANPA TUNAI (iSST) DAN LASERJETDESK-PRINTING STATION

Pada tahun 2023, Pihak Majlis telah melancarkan 3 unit Kiosk Tanpa Tunai (iSST) dan 2 unit Laserjetdesk – Printing Station. Majlis Perbandaran Kulai merupakan antara PBT terawal di Johor yang menawarkan perkhidmatan mesin kiosk tanpa tunai (cashless) dan pertama menyediakan mesin cetakan bil cukai harta layan diri.



PENARAFAN LIMA (5) BINTANG PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI (IA)





AKTIVITI – AKTIVITI JABATAN KEWANGAN SEPANJANG TAHUN 2023

PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Pada tahun 2023, Jabatan Kewangan telah menubuhkan satu Unit Pelupusan yang bertanggungjawab bagi memastikan rekod kewangan dan perakaunan dimusnahkan dan dilupuskan mengikut Seksyen 25 dan 26, Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) dan Arahan Perbendaharaan 150.

Jabatan Kewangan telah menerima surat maklum balas dari Arkib Negara Malaysia Negeri Johor yang memberi kebenaran pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan dengan syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana no. rujukan ARKIBJHR.600-6/7/3 (9) bertarikh 23 Oktober 2023.



UNIT PELUPUSAN JABATAN KEWANGAN

KAUNTER BERGERAK MPKu



JEMPUTAN UNTUK PROGRAM AHLI MAJLIS DAN KARNIVAL



OPERASI BERSEPADU TINDAKAN PENGUATKUASAAN BAGI PEMBUANGAN SAMPAH KECIL DI TEMPAT AWAM DI KAWASAN MPKu (ANTILITTER) BERSAMA JABATAN PENGUATKUASAAN DAN JABATAN KESIHATAN AWAM



OPERASI SITAAN :
BERSAMA UNIT TUNGGAKAN CUKAI





JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

- BAHAGIAN PENILAIAN •
- BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA •



BAHAGIAN PENILAIAN

Berusara memperkuuhkan kedudukan kewangan Majlis melalui peningkatan hasil cukai harta dengan meningkatkan mutu penyampaian dan pengurusan cukai yang lebih efesien, efektif dan responsif demi kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat setempat.

FUNGSI UTAMA

- i. Mengawal dan menyelenggara Senarai Nilaian Pegangan Berkadar dalam kawasan pentadbiran Majlis bagi tujuan penguatkuasaan cukai harta selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- ii. Melaksanakan kerja-kerja Pindaan Senarai Nilaian ke atas Senarai Nilaian Pegangan Berkadar berdasarkan Nilai Tambah sebagaimana peruntukan Seksyen 144 Akta 171.
- iii. Melaksanakan kerja-kerja penyediaan Senarai Nilaian dan Peratus Kadar Baru ke atas Pegangan Berkadar Majlis Perbandaran Kulai sebagaimana peruntukan Seksyen 137, Akta 171 setiap 5 tahun atau lanjutan tempoh dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
- iv. Mengeluarkan notis-notis mengenai taksiran cukai harta sebagaimana peruntukan Bahagian XV, Akta 171.
- v. Melaksanakan mesyuarat jawatankuasa bantahan cukai harta ke atas semua bantahan atau rayuan oleh pemilik pegangan berkadar sebagaimana diperuntukkan dibawah Seksyen 142, Akta 171.
- vi. Melaksanakan kerja-kerja penilaian bagi maksud tuntutan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun sepertimana peruntukan Perkara 156, Perlembagaan Persekutuan.
- vii. Melaksanakan kerja-kerja pulangan balik bayaran cukai harta bagi bangunan yang tidak diduduki bagi permohonan Elaun Kekosongan Bangunan (Remisi) oleh pemilik pegangan berkadar sebagaimana diperuntukkan dibawah Seksyen 162, Akta 171.
- viii. Memproses permohonan Remisi untuk bangunan yang tidak diduduki mengikut peruntukan Seksyen 162, Akta 171.
- ix. Memproses permohonan Pindahmilik Harta Pegangan Berkadar melalui Borang I/ Borang J sebagaimana peruntukan Seksyen 160, Akta 171.
- x. Melaksanakan proses ulasan cukai harta ke atas permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan menyelaras ulasan status cukai harta ke atas pemajuan / pembangunan kepada Agensi Pusat Setempat (OSC).
- xi. Melaksanakan proses ulasan CCC dengan memastikan bangunan disiapkan mematuhi syarat teknikal yang dikenakan oleh Bahagian Penilaian dan menyelaras ulasan CCC ke atas pemajuan / pembangunan kepada Agensi Pusat Setempat (OSC). – OSC Menyelaras Urusan Ulasan CCC Atas Pemajuan / Pembangunan kepada Pusat Setempat (OSC)
- xii. Melaksanakan penilaian ke atas harta yang mempunyai kenaikan nilai bagi maksud pengenaan Caj Pemajuan sebagaimana peruntukan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) bagi pemohonan pembangunan yang diterima dari Jabatan Perancangan MPKu.
- xiii. Melaksanakan kerja-kerja penilaian aset bagi maksud nilaian sewaan, aset atau insuran ke atas aset tak alih daripada permohonan Bahagian Pengurusan Harta. Majlis Perbandaran Kulai.
- xiv. Mengesahkan maklumat / alamat dalam proses carian maklumat harta oleh pihak kerajaan/swasta/ individu.
- xv. Melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan mengutip tunggakan cukai harta ke atas pegangan berkadar yang gagal membayar cukai harta sebagaimana peruntukan Bahagian XV, Akta 171.



MAKLUMAT KATEGORI PEGANGAN BERKADAR DAN KUTIPAN HASIL CUKAI

- Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai meliputi 74,700 hektar merangkumi Mukim Senai, Kulai, Bandar Kulai, Sedenak dan Bukit Batu, Daerah Kulai dan sebahagian Mukim Pulai dan Tebrau, Daerah Johor Bahru sebagaimana pelan persempadanan ukur PW 3412 bertarikh 01st Disember 2015 dan pewartaan Warta Kerajaan Negeri Johor dengan No. Warta 8, Jilid 63 bertarikh 11th April 2019 berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.
- Senarai Nilaian pegangan berkadar dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai adalah berasaskan kepada Aras Nilai Tahun 2015 (1st Januari 2015) dan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020.

Jadual 1: Kategori, Jumlah dan Keterangan Cukai Harta Bagi Pegangan Berkadar Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai Sehingga Disember 2023

MAKLUMAT PEGANGAN BERKADAR MENGIKUT KATEGORI					
BIL	KATEGORI PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN (UNIT)	KADAR PERATUS	JUMLAH NILAIAN TAKSIRAN (RM)	JUMLAH CUKAI (RM)
1 (%)	JUMLAH NILAIAN TAKSIRAN	0.18, 0.13	14,002,734,592.00	24,698,050.86	
2 (RM)	JUMLAH CUKAI HARTA	0.32, 0.25	5,288,661,800.00	16,868,264.36	
3 (RM)	11,123	0.30	3,762,639,700.00	11,304,631.02	
4 REKREASI & PADANG GOLF	10	0.31	334,219,200.00	1,036,079.52	
5 HARTA KHAS	608	0.57	347,891,000.00	1,982,978.70	
6 PERINDUSTRIAN	2738	0.50	7,961,427,600.00	39,714,350.60	
7 TANAH PERTANIAN / LADANG	182	0.10	8,263,627,000.00	8,272,107.00	
8 REZAB MELAYU	515	0.15	76,037,000.00	109,023.00	
9 KAMPUNG TRADISIONAL	2589	0.16	268,172,600.00	429,076.16	
JUMLAH	100,022		40,305,410,492.00	104,414,561.72	

Sumber: Laporan Pegangan Penilaian Harta (ePBT) Majlis Perbandaran Kulai – Januari hingga Disember 2023, Majlis Perbandaran Kulai.

- Keseluruhan pegangan berkadar dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai berjumlah 100,022 unit pegangan (sehingga 31st Disember 2023), Nilaian pegangan berkadar meliputi keseluruhan pelbagai kategori dan kadar berjumlah RM40.3 billion dengan hasil cukai harta keseluruhan berjumlah RM104.4 juta.
- Ketegori kediaman mewakili hampir 73 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan berkadar yang telah menyumbang hampir RM25 juta hasil cukai diikuti 11 peratus merupakan tanah kosong dan 9.5 peratus bagi kategori perdagangan. Manakala baki 6.5 peratus adalah untuk lain-lain kategori.
- Walaupun kategori perindustrian hanya meliputi 2.6 peratus daripada keseluruhan pegangan berkadar, namun jumlah cukai berjumlah hampir RM40 juta merupakan penyumbang utama dari segi jumlah hasil cukai yang diperolehi diikuti kategori kediaman dan perdagangan.


Jadual 2: Anggaran Dan Prestasi Kutipan Hasil Cukai Harta Dan Sumbangan Membantu Kadar Majlis Perbandaran Kulai Sehingga Disember 2023

BIL	PECAHAN HASIL CUKAI	ANGGARAN (RM)	JUMLAH KUTIPAN HASIL	PERATUS (%)
1	CUKAI HARTA	86,000,000.00	87,365,707.29	101.59
2	TUNGGAKAN CUKAI HARTA	13,000,000.00	14,081,353.18	108.32
3	SUMBANGAN MEMBANTU KADAR	1,500,000.00	2,217,881.80	147.86
	JUMLAH KESELURUHAN	100,500,000.00	103,915,536.55	103.40

Sumber: Laporan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Taksiran dan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Kulai – Januari Hingga Disember 2023, Majlis Perbandaran Kulai

- o Terimaan hasil cukai Majlis Perbandaran Kulai dengan penguatkuasaan kadar ke atas pegangan berkadar adalah melalui cukai harta, tunggakan cukai harta dan sumbangan membantu kadar harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan berkanun.
- o Anggaran hasil cukai yang ditetapkan bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM100.5 juta. Manakala prestasi kutipan hasil cukai keseluruhan yang diperolehi (sehingga Disember 2023) adalah berjumlah RM103.9 juta iaitu melebihi 3.4 peratus dari anggaran hasil cukai yang ditetapkan.

